



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## SEMPENA

**MAJLIS APRESIASI MALAM PENUTUPAN**  
**BORNEO ART FESTIVAL 2024**

**29 SEPTEMBER 2024**

**KOMPLEKS UJANA KEWANGAN**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

## **SALUTASI AKAN DISEDIAKAN**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada malam ini dalam Majlis Apresiasi Malam Penutupan Borneo Art Festival 2024.
  
2. Tahniah diucapkan kepada Perbadanan Labuan atas kejayaan penganjuran program bertaraf antarabangsa seperti ini dan syabas juga diucapkan kepada semua peserta, karyawan, tokoh budaya, pemamer dan pengusaha keseniaan yang bersama-sama menjayakan festival ini. Saya melihat program seperti ini bukan sekadar sebagai sebuah perayaan seni, tetapi juga sebagai pemacu kepada perkembangan ekonomi dan pelancongan di Labuan.

## **KERJASAMA SERANTAU MELALUI BIMP-EAGA**

Para hadirin sekalian,

3. Borneo Art Festival atau BAF adalah contoh bagaimana seni dan budaya dapat diangkat sebagai elemen penting dalam membina kerjasama serantau, khususnya melalui kerjasama antara negara BIMP-EAGA, yang melibatkan Brunei Darussalam, Indonesia dan juga Filipina. Ini secara tidak langsung akan menonjolkan kekuatan diplomasi budaya yang terjalin di antara Labuan dengan negara-negara tersebut.
4. Hubungan antara negara dalam BIMP-EAGA bukan hanya tertumpu kepada sektor perdagangan sahaja, bahkan meliputi juga aspek persilangan budaya, di mana ia dapat menjadi titik pertemuan kepelbagaian budaya yang kaya dan beragam di Kepulauan Borneo ini. Justeru, BAF menjadi jambatan penting yang dapat memperkuatkan lagi hubungan antara negara ini, yang mana seni budaya dijadikan sebagai medium untuk mengeratkan perpaduan serantau.
5. Dengan penganjuran festival ini juga, secara tidak langsung, kita dapat mencungkil bakat-bakat seni tempatan dan boleh dikembangkan serta dipromosikan sehingga ke peringkat antarabangsa dalam masa yang sama memperluaskan lagi pengaruh seni serantau.

6. BAF Labuan, Alhamdulillah telah dapat menghimpunkan lebih 1,000 orang peserta dari pelbagai daerah termasuk Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia, malah juga peserta dari luar negara, yang telah berkampung selama 3 hari di Labuan dalam mengenengahkan pelbagai rangkuman seni visual, seni muzik, seni tarian, seni kraftangan dan seni fesyen.
7. Ruang begini yang menyaksikan kehadiran peserta yang ramai ini, sudah pastinya akan memberikan impak secara langsung kepada ekonomi tempatan, terutamanya kepada industri kecil dan sederhana (IKS) termasuk perhotelan dan sektor perkhidmatan.

## **WARISAN UNTUK GENERASI MASA HADAPAN**

Para hadirin sekalian,

8. Saya juga melihat penganjuran BAF ini sebagai sebuah jambatan yang boleh menghubungkan antara generasi. Ini merupakan usaha di mana warisan budaya ada kelangsungannya, agar tidak hilang di telan dek zaman, dalam masa yang sama, terus diperkaya dengan diberi ‘nafas baharu’ oleh generasi muda yang sudah tentunya lebih *versatile* dengan menggabungkan unsur-unsur teknologi sebagai contohnya.

9. Saya juga berpandangan, warisan budaya ini boleh diperkenalkan kepada anak-anak kita dalam program-program pendidikan seni budaya sejak dari bangku sekolah lagi. Dengan demikian, warisan dan tradisi bangsa dapat dipelajari dan dihargai oleh generasi mendatang sejak mereka kecil lagi.
10. Seni dan budaya Malaysia yang pelbagai pula menjadikan kita unik di mata dunia. Justeru, dalam era globalisasi ini, adalah penting untuk kita memelihara identiti kita sebagai rakyat Malaysia dalam masa yang sama mengekalkan keharmonian dalam kepelbagaian.
11. Selaras dengan prinsip Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri kita, Dato' Seri Anwar Ibrahim, festival seperti ini turut membawa mesej yang jelas dalam kita membina masyarakat yang berteraskan nilai kebersamaan, hormat menghormati dan terangkum atau inklusif selain dapat memperlihatkan bagaimana seni dan budaya mampu menjadi medium penyatuan. Justeru, fenomena silang budaya juga telah bermula dan lama kelihatan dalam masyarakat majmuk Malaysia yang kita cintai ini.

## **POTENSI LABUAN SEBAGAI TUMPUAN PELANCONG**

Para hadirin sekalian,

12. Menurut Tourism Malaysia, dalam separuh pertama tahun 2024 ini, Malaysia telah mencatatkan ketibaan pelancong yang signifikan, iaitu seramai 11.8 juta orang, meningkat sebanyak 28.9% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Angka ini menjadikan sektor pelancongan Malaysia dalam landasan yang baik dan telah mencapai *tourist receipts* sebanyak RM 45.42 juta.
13. Dalam sektor perbelanjaan pelancong per kapita atau *per capita tourist expenditure* pula, Malaysia mencapai aras tertinggi dalam tempoh lima tahun, dengan purata perbelanjaan sebanyak RM 3,846.45 dicatatkan dalam enam bulan pertama tahun 2024.
14. Dengan kedudukan geografi Labuan yang strategik, saya yakin, Labuan berpotensi untuk turut menyumbang kepada angka-angka pelancongan yang telah saya sebutkan tadi. Sektor pelancongan budaya merupakan salah satu sektor yang turut boleh dikembangkan sebagai salah satu produk pelancongan yang berpotensi di Labuan, selain produk pelancongan sedia ada.

15. Saya yakin Labuan mampu menjadi pulau tumpuan pelancongan serantau, bukan sahaja kerana keindahan alamnya, tetapi juga kekayaan seni dan budaya yang diwarisi. Melalui acara seperti Borneo Art Festival, kita bukan sahaja dapat mempromosikan budaya tempatan, tetapi juga memperkuuhkan Labuan sebagai destinasi utama dalam peta pelancongan dunia. Ini adalah peluang yang perlu kita manfaatkan, lebih-lebih lagi dengan Malaysia akan mengambil alih Kepengerusian ASEAN pada tahun hadapan.
16. Sehubungan itu, bagi pengajuran akan datang, saya ingin melihat BAF meluaskan lagi promosi pengajurannya, bukan hanya khusus kepada negara-negara BIMP-EAGA sahaja, tetapi turut dipanjangkan kepada negara-negara ASEAN.

## **PELANCARAN LOGO PELANCONGAN LABUAN**

Para hadirin sekalian,

17. Pada malam ini juga, saya akan meluncurkan logo rasmi bagi pelancongan Labuan sebagai persediaan awal untuk menuju kepada Tahun Melawat Malaysia 2026. Logo yang dikenali sebagai Labuan, Pearl of Borneo ini dihasilkan bertujuan untuk melambangkan keunikan dan daya tarikan pulau Labuan yang sememangnya mempunyai potensi yang besar dalam industri pelancongan di Malaysia.

18. Logo ini mengetengahkan 5 elemen utama produk pelancongan di Labuan yang dipakejkan di bawah konsep 5S, iaitu *Sun*, *Sand*, *Seafood*, *Sport Tourism* dan *Shopping*. Setiap elemen ini melambangkan kekuatan dan keistimewaan Labuan sebagai sebuah pulau pelancongan yang dapat menawarkan pengalaman unik dan menarik kepada pengunjung.
19. Ini adalah penting untuk kita memastikan supaya pengalaman perjalanan pelancong atau *tourist experience journey* di Labuan dapat dipertingkat. Maksudnya, jika mereka datang sebagai pelancong di Labuan, dengan tawaran pengalaman unik dan menarik melalui pakej 5S ini, akan ada *domino effect* di mana mereka akan kembali sebagai *return tourist* dan membawa bersama lebih ramai lagi pengunjung ke Labuan.
20. Sehubungan itu, saya berharap agar Perbadanan Labuan dan semua agensi-agensi Kerajaan di Labuan mempergiatkan lagi usaha untuk mempromosikan produk pelancongan ini secara lebih meluas, bukan sahaja di peringkat domestik, bahkan juga di peringkat antarabangsa.
21. Insya-Allah, hasrat untuk menjadikan Labuan sebagai hab pelancongan ini akan menjadi kenyataan dan memberi limpahan manfaat yang besar kepada rakyat Labuan, terutama dari segi peningkatan sosio ekonomi rakyat.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

22. Malam ini bukan hanya tentang penutupan sebuah festival seni, tetapi ia adalah permulaan kepada masa depan yang lebih cerah untuk seni dan budaya kita. Sekali lagi saya ingin menekankan bahawa Borneo Art Festival ini telah membuktikan bahawa seni dan budaya mampu menyatukan kita semua, merentasi sempadan, serta menjadi nadi penggerak kepada pembangunan ekonomi yang lebih inklusif.
23. Akhir kalam, ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua yang terlibat, khususnya pihak penganjur, Perbadanan Labuan atas kejayaan festival ini.
24. Dengan lafaz mulia Bismillahirrahaminirrahim, saya dengan ini merasmikan penutupan Borneo Art Festival 2024.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.